



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

SURAT PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 1 Tahun 2013

**PENGHANTARAN DOKUMEN PERIBADI MENGGUNAKAN
ALAMAT UiTM**

TUJUAN


1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai peraturan penghantaran dokumen peribadi menggunakan alamat Universiti Teknologi MARA.

LATAR BELAKANG

2. Semua staf Universiti Teknologi MARA telah dimaklumkan mengenai peraturan penghantaran dokumen peribadi menggunakan alamat Universiti Teknologi MARA melalui Pekeliling Pendaftar Bilangan 3 Tahun 2011 bertarikh 25 Januari 2011.

3. Penghantaran dokumen peribadi ke alamat pejabat tidak digalakkan kerana Bahagian Pentadbiran dan Sekretariat tidak bertanggungjawab sekiranya dokumen tidak sampai ke tangan penerima ataupun hilang. Selain itu, fungsi Kaunter Pengurusan Mel, Bahagian Pentadbiran dan Sekretariat adalah untuk menguruskan mel rasmi universiti sahaja.

4. Walau bagaimanapun, masih terdapat warga universiti yang menggunakan alamat pejabat bagi surat-surat persendirian termasuk barangan yang dibeli secara dalam talian.



TUJUAN PERLAKSANAAN

5. Sehubungan dengan itu, YBhg. Datuk/Datin Paduka/Prof/Tuan/Puan diharap dapat memanjangkan surat pekeliling ini dan mengingatkan kepada staf di bawah seliaan agar tidak menggunakan alamat pejabat bagi penghantaran dokumen peribadi.

TARIKH DIKELUARKAN

6. Surat Pekeliling dikeluarkan pada 10 Januari 2013.

TARIKH KUATKUASA

7. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa 01 Januari 2013.

PEMAKAIAN

8. Surat Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua staf Universiti Teknologi MARA.



DR. HAJAH ZAHRAH MOKHTAR
Pendaftar

Dikelilingkan kepada:

*Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan-Dekan Fakulti
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri*

*Bil. Fail : 100-BPD(UDG/PT.6/3)
No. Siri : 100-BPD(UDG/01/2013-SP)*